



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN PRA-KELAYAKAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) / Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan / Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil / Kelas, Kepala /Sub Kepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

BIL.	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
1.	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN CERUN DI FLAT BUKIT KECIL, KUALA TERENGGANU, MB KUALA TERENGGANU (REKA & BINA) (MBKT T25/2025)	Terbuka (Jenis T1)	Seperti di bawah	Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Menara MBKT 08/01/2025 (Rabu) Hingga 30/01/2025 (Khamis)	RM50.00 Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Menara MBKT 02/02/2025 (Ahad) 12.00 Tengahari

GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KELAS, TAJUK & TAJUK KECIL / KELAS, KEPALA & SUB KEPALA PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan CIDB dan

- Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan CIDB dalam **Gred G5, Kategori CE dan Pengkhususan CE08, CE12 & CE30** *atau*
Berdaftar dengan Pusat Kontraktor Negeri Sabah [PUKONSA] dalam **Kelas B, Tajuk 1, Tajuk Kecil 1** *atau*
Berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding [UPKJ] dalam **Kelas BX, Kepala I Sub Kepala 1 dan 5(a) & Kepala IV Sub Kepala 2(a)**.
- Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan CIDB atau pendaftaran kontraktor dengan PUKONSA/UPKJ hendaklah masih berkuatkuasa sekurang - kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan.
- Kontraktor berdaftar yang sedang dan telah dikenakan sebarang tindakan tatatertib dan digantung serta diberi amaran oleh pihak CIDB/PUKONSA/UPKJ, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai pra-kelayakan ini.
- Kebenaran khas CIDB/PUKONSA/UPKJ untuk pengkhususan bidang kerja yang ditetapkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

KEUPAYAAN KONTRAKTOR

- Mempunyai '**NETT WORTH**' bernilai melebihi RM 512,000.00 dan **20% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana '**NETT WORTH**' adalah perbezaan positif di antara **HARTA TETAP** dan **TANGGUNGAN TETAP** syarikat; *atau*
- Mempunyai '**MODAL PUSINGAN**' bernilai melebihi RM 256,000.00 dan **10% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana '**MODAL PUSINGAN**' adalah perbezaan positif di antara **HARTA SEMASA** dan **TANGGUNGAN SEMASA** syarikat; *atau*
- Mempunyai nilai '**MODAL MUDAH CAIR**' bernilai melebihi RM 76,800.00 dan **3% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana '**MODAL MUDAH CAIR**' adalah purata nilai positif wang dalam tempoh 3 bulan, nilai saham, pinjaman dan nilai positif overdraf.
- Mempunyai **Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja** bagi projek-projek pembinaan yang serupa yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh 5 tahun lepas melebihi 20% dari Nilai Tahunan Beban Kerja (tidak kurang dari **RM 512,000.0**).

- v) Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu.

Dokumen Pra-Kelayakan akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang diberi kuasa sahaja (Surat Wakil Kuasa perlu dikemukakan semasa berurusan). Untuk maksud ini, Wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau Pendaftaran PUKONSA/UPKJ berserta satu salinan sijil-sijil tersebut.

Bayaran Dokumen Pra Kelayakan hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos atas nama Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

*Jenis Syarikat Tempatan : T1 – Syarikat 100% milik tempatan

A1 - Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan equity asing tidak melebihi 30% dan Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 – Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL **ATAU** Syarikat usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan equity asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

t.t

.....
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu